



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
BAHAGIAN LATIHAN
Aras 4-6, Blok C1, Parcel C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA



*Pemenang Anugerah Kualiti
Perdana Menteri 2004*



Tel. : 03-88853000
Fax : 03-88892176
Web : <http://www.jpa.gov.my>

Ruj. Fail: JPA (L)175/21/6-23 Klt.3

Tarikh : 28 Mac 2008

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian,

Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri,

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan,

Ketua-Ketua Badan Berkanun dan
Pihak Berkuasa Tempatan.

Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan,

PENCALONAN UNTUK PROGRAM DIPLOMA SISWAZAH DALAM PENYALAHGUNAAN DADAH

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan kepada perkara di atas dan mempelawa Kementerian/Jabatan/ Agensi Y. Bhg. Tan Sri/ Datuk/Dato'/Tuan untuk mencalonkan pegawai yang layak bagi mengikuti pengajian lepasan ijazah seperti tersebut di atas bagi sesi akademik 2008/2009.

2. Kursus ini merupakan program latihan kepakaran yang dikendalikan secara sepenuh masa oleh Universiti Sains Islam Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah. Kursus ini akan bermula pada 8 Julai 2008 dan memakan masa selama 9 bulan. Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang mempunyai bidang tugas yang berkaitan dengan pengisian kursus.

3. **Syarat-Syarat Kelayakan**

Pegawai-pegawai yang layak memohon hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- (i) Mempunyai Ijazah Pertama dalam bidang Kaunseling/ Bimbingan dan Kaunseling yang diiktiraf; **atau**

Ijazah Pertama dalam mana-mana bidang yang sesuai dan mempunyai pengalaman kerja dalam bidang yang berkaitan dengan pengisian kursus;
- (ii) Telah disahkan dalam jawatan sekarang;
- (iii) Berumur tidak melebihi 40 tahun pada **30 April 2008**;
- (iv) Mencapai markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan purata 85% ke atas bagi tempoh 3 tahun genap terkini berturut-turut;
- (v) Bersih daripada pertuduhan tatatertib dan bebas daripada dakwaan mahkamah; dan
- (vi) Telah mengisytiharkan harta.

4. **Kemudahan-Kemudahan**

Calon-calon yang berjaya dipilih akan ditawarkan Hadiah Latihan Persekutuan dan diluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh sepanjang tempoh pengajian.

5. **Ikatan Perjanjian Dengan Kerajaan**

Calon-calon yang berjaya dipilih dikehendaki menandatangani perjanjian dengan Kerajaan.

6. Tarikh Tutup Permohonan

Borang permohonan yang telah disempurnakan hendaklah dikemukakan ke Bahagian Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam **tidak lewat daripada 14 Mei 2008**.

7. Cara Memohon

Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang **JPA(L)LDP 1A/96** (dilengkapkan oleh Jabatan) dan **JPA(L)LDP 1B/96 [Pin. 1/2003]** (dilengkapkan oleh pegawai). Borang permohonan yang telah dilengkapkan hendaklah dikemukakan bersama dokumen –dokumen berikut:

- (i) Salinan Ijazah Pertama atau kelayakan yang setaraf;
- (ii) Salinan Buku Kenyataan Perkhidmatan; dan
- (iii) Senarai tugas.

Hanya calon-calon yang mengemukakan permohonan yang lengkap dan memenuhi kelayakan akan disenaraipendekkan. Pemilihan calon juga tertakluk kepada kelulusan senat universiti.

8. Permohonan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan kepada:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Latihan
(Unit Latihan Dalam Perkhidmatan)
Aras 5, Blok C1, Parcel C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA.

(u.p: Puan Asfadilanor Bt Mohd Noor)

Telefon : 03-88853468

Fax : 03-88892171

9. Maklumat Lanjut

Maklumat lanjut mengenai kursus Diploma Siswazah dalam Penyalahgunaan Dadah ini boleh dimuat turun daripada <http://www.usim.edu.my/cgs> dan <http://www.ums.edu.my/pasca>.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(SARAYA ARBI)

Unit Latihan Dalam Perkhidmatan
Bahagian Latihan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA